

Jangan tipu orang Melayu — Ali Rustam

um - 01/10/2006
BUTTERWORTH 8 Okt. —
Kajian Institut Kajian Strategik
dan Kepimpinan Asia (ASLI)
bahawa orang Melayu sudah me-
nguasai 45 peratus ekonomi ne-
gara boleh mendatangkan kekelir-
uan mengenai kedudukan sebe-
nar ekonomi kaum itu di negara
ini.

Naib Presiden UMNO, Datuk
Seri Mohd. Ali Rustam berkata,
cara pengiraan ASLI yang tidak
betul itu akan menyebabkan orang
Melayu berasa selesa sedangkan
hakikatnya pegangan ekonomi
mereka masih jauh di belakang
iaitu 18.9 peratus sahaja.

Justeru, katanya, ASLI wajar
memperbetulkan semula perkara
itu mengikut tarif yang digunakan
sekarang agar orang Melayu tidak
'tertipu' dengannya.

"Saya fikir cara mengira (ASLI)
kurang tepat dan cara mengira
kerajaan adalah betul. Oleh itu
(ASLI) wajar perbetulkan balik
ekuiti bumiputera yang sebenar
dengan tarif yang digunakan se-
karang kerana ia boleh diperde-
batkan.

"Kalau tidak orang Melayu
akan jadi keliru dan akan berlaku
keadaan selesa menyebabkan me-
reka fikir tidak payah kerja kuat
lagi sedangkan yang lebih itu bu-
kan kita punya, itu adalah milik
pelbagai kumpulan," katanya.

Beliau berkata demikian sele-
pas menyampaikan bantuan sum-
bangan Subaidah Holding (M)
Sdn. Bhd., pemilik Restoran Nasi
Kandar Subaidah kepada 350
orang anak yatim, ibu tunggal dan
golongan miskin, di sini, hari ini.